

Dr Mahathir

tak tanding

SUNGAI SIPUT: Bekas Presiden Umno Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendapat pencalonan daripada tiga cawangan Umno bahagian Kubang Pasu tidak akan bertanding merebut kerusi perwakilan bahagian itu pada 21 Julai ini untuk ke Persidangan Agung Umno, November ini.

Ahli Exco Pemuda Umno, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata bekas Perdana Menteri itu mengambil tindakan berkenaan kerana serik dengan kerenah di bahagian yang pernah diterajuinya selama 30 tahun.

"Walaupun dia dah lama berkhidmat sebagai ketua bahagian tetapi memandangkan reaksi (respon) daripada perwakilan tahun lalu, jadi dia rasa sudah tiba masanya dia langsung tidak terbabit lagi dalam pemilihan perwakilan tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno bahagian Sungai Siput di Dewan Komplek Latihan Perhutanan Negeri, di sini, semalam.

Dr Mahathir mengejutkan politik negara tahun lalu apabila mengumumkan bertanding kerusi perwakilan bahagian itu dan mendapat tempat kesembilan daripada keseluruhan 15 calon yang bertanding bagi merebut tujuh kerusi pada pertandingan 9 September 2006.